

04/01/2005

YAYASAN-PELANTIKAN

NIK MOHAMED YAACOB AKAN TERAJUI YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA

KUALA LUMPUR, 4 Jan (Bernama) -- Yayasan Kepimpinan Perdana, pusat yang diwujudkan khusus bagi kepemimpinan Malaysia dan pembangunan nasional telah melantik Tan Sri Nik Mohamed Yaacob sebagai pengarah eksekutifnya.

Dalam satu kenyataan di sini, hari ini, Nik Mohamed berkata beliau berbangga dengan pelantikan itu dan bersedia untuk melaksanakan tugas bagi menjadikan yayasan tersebut pusat utama bagi penyelidikan dan pembelajaran segala sumbangan yang dicurahkan oleh semua bekas Perdana Menteri ke arah membangunkan negara.

Nik Mohamed merupakan bekas ketua eksekutif kumpulan dan pengarah Sime Darby Bhd daripada 1993 sehingga persaraannya pada Jun, 2004.

Ketika ini beliau memegang jawatan pengarah bagi Perbadanan Nasional Bhd dan Scomi Group Bhd.

Yayasan itu yang diperbadankan pada tahun lepas merupakan sebuah organisasi bukan keuntungan bebas yang komited untuk memelihara, memaju dan menyebarkan legasi intelektual bekas-bekas perdana menteri Malaysia menerusi penyelidikan dasar-dasar, strategi dan inisiatif pembangunan negara mereka.

Antara tokoh-tokoh terkemuka Malaysia yang terlibat dalam yayasan itu adalah bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang merupakan presiden kehormatannya. -- BERNAMA

NBB KTC ZK